



29.7.2022

Kenyataan Media

oleh DATO' SERI IR. JASENI MAIDINSA

CEO, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

KEKERUHAN AIR SUNGAI MUDA TELAH MENURUN KE PARAS “SELAMAT”

PULAU PINANG, Jumaat, 29.7.2022: Pada jam 5.00 petang hari ini, air mentah Sungai Muda direkodkan pada “paras selamat” iaitu NTU 224.

Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua yang menggunakan air mentah dari Sungai Muda untuk menghasilkan lebih 80% air terawat yang dibekalkan di Pulau Pinang, terus beroperasi secara optimum.

Berkemungkinan besar operasi bekalan air di Pulau Pinang tidak akan terjejas akibat air keruh dari Sungai Muda, susulan banjir yang dilaporkan di Baling, Kedah semalam.

Namun begitu, PBAPP akan terus memantau dengan teliti kekeruhan air mentah dari sungai dalam tempoh beberapa hari akan datang.

Awal hari ini, pada jam 9.00 pagi, kekeruhan air mentah Sungai Muda direkodkan NTU 398 di muka sauk Lahar Tiang. PBAPP mengeluarkan notis waspada dan mula melaksanakan langkah tindak balas kecemasan/kontingensi bekalan air di LRA Sungai Dua.

Terima kasih.

Dikeluarkan : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my